

MUI Group jual tapak Hotel Corus KLCC kepada Mah Sing

MUI Group dan Mah Sing Group Bhd (Mah Sing) memeterai satu perjanjian strategik yang menyasarkan MUI Group melupuskan sebidang tanah pegangan bebas seluas 1.485 ekar yang terletak di kawasan perdana dalam presint pusat bandar Kuala Lumpur (KLCC).

Tanah terletak secara strategik yang menempatkan Hotel Corus KLCC dan berada dalam jarak lima minit berjalan kaki dari Menara Berkembar Petronas dan Suria KLCC itu dijual pada harga RM260 juta.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif MUI, Andrew Khoo, berkata ini adalah masa yang sesuai untuk kumpulan melupuskan hartanah ini sebagai sebahagian daripada strategi rasionalisasi.

"Kami menemui rakan kongsi yang tepat iaitu Mah Sing untuk menerajui pembangunan semula projek ini dan mencipta satu projek mercu tanda ikonik yang akan memaksimumkan potensi penuh tanah ini.

"Memandangkan hubungan kami selama 41 tahun dengan hartanah ini yang bermula dengan pembukaan Hotel Ming Court pada 1984 dan penjenamaan se-

mula kepada Corus KLCC, kami teruja untuk menjadi sebahagian daripada pembangunan semula yang kami percaya akan memperindahkan landskap KLCC dan menambah kemegahan kawasan berprestij ini," katanya dalam satu kenyataan.

Nilai GDV RMI.28 billion

Tanah pegangan bebas utama ini akan dibangunkan semula menjadi projek pangasapuri servis mewah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan berjumlah RM1.28 bilion.

Unit dijangka ditawarkan dengan harga bermula daripada RM898,000.

Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan Mah Sing, Tan Sri Leong Hoy Kum, berkata pengambilalihan ini selaras dengan strategi kumpulan untuk membuka nilai di lokasi bandar utama yang mempunyai permintaan kukuh.

Katanya, ini bukan sekadar pembangunan semula, tetapi peluang untuk mencipta alamat berprestij di tengah-tengah Kuala Lumpur.

"Kami teruja untuk membayangkan semula tapak utama ini sebagai pembangunan mercu

tanda yang melengkap landskap KLCC.

"Dengan status pegangan bebas yang jarang dimiliki, hubungan yang tiada tandingan dan lokasi di pusat bandar utama, kami percaya projek ini akan menarik perhatian antarabangsa serta memberi nilai jangka panjang kepada pembeli dan pihak berkepentingan," katanya.

Tapak itu menawarkan akses dan hubungan yang tiada tandingan - dalam jarak berjalan kaki ke mercu tanda seperti Menara Berkembar Petronas, Taman KLCC, Intermark Mall, The Linc KL dan Pavillion Kuala Lumpur, serta terus dihubungkan dengan hab pengangkutan awam utama seperti Persimpangan Ampang Park (MRT dan LRT), Stesen KLCC, dan stesen bawah tanah yang terus bersambung ke Suria KLCC.

Ia turut mempunyai sambungan pejalan kaki yang sangat baik melalui labuan berbumbung, menghubungkan dengan lancar ke Suria KLCC, Taman KLCC dan Bukit Bintang.

Ia juga mendapat akses hebat melalui pengangkutan awam dan persendirian, dan terletak dalam

Zon Perancangan Transit (TPZ) yang ditetapkan.

Ini merupakan pengambilalihan tanah kedua oleh Mah Sing pada tahun ini, mengukuhkan lagi strategi kumpulan untuk membuka nilai dari lokasi bandar utama yang mempunyai asas permintaan yang kukuh.

Majlis menandatangani perjanjian ini diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat Hartanah Mah Sing, Yeoh Chee Beng dan Naib Presiden Kanan Kumpulan MUI, Ong Hung Ming, serta disaksikan oleh Hoy Kum dan Khoo.

Mah Sing turut memperkenalkan pembangunan pangasapuri servis mewah yang mampu dimiliki oleh pembeli tempatan dan antarabangsa yang arif, terletak dalam jarak berjalan kaki ke mercu tanda ikonik Menara Berkembar Petronas dan Suria KLCC.

Memandangkan lokasinya yang strategik di tengah-tengah Kuala Lumpur, Mah Sing merancang pembangunan masa depan yang memaksimumkan potensi tapak sambil menyesuaikan dengan permintaan pasaran dan peluang pertumbuhan jangka panjang.